

30/12/2001

Pak Lah terima permohonan maaf

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi (gambar) berkata, beliau menerima permohonan maaf yang dikemukakan akhbar The Sun selepas menyiarkan laporan muka depan kononnya ada rancangan membunuh beliau dan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Timbalan Perdana Menteri berkata, beliau tidak pernah mengarahkan akhbar itu memohon maaf.

"Saya tidak tahu kerana saya menyerahkan perkara itu kepada Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri, Datuk Seri Aseh Che Mat.

"Saya tidak pernah beri arahan khusus untuk meminta maaf," katanya kepada pemberita selepas menghadiri sambutan Hari Raya Wartawan, Penunggang Motosikal Besar dan Anak Yatim bersama Timbalan Perdana Menteri anjuran Persatuan Wartawan Melayu (PWM) di sini, semalam.

Pada 25 Disember lalu, The Sun menyiarkan laporan muka depan yang memetik sumber sebagai berkata, seorang pembunuh diupah untuk membunuh dua pemimpin tertinggi negara ini.

Berikutan penafian polis dan kedua-dua pemimpin berkenaan mengenai adanya rancangan itu, Ketua Pengarang The Sun, H'ng Hung Wong dan Pengarangnya, Andy Ng menyerahkan surat peletakan jawatan mereka manakala Ketua Pengarang Beritanya, Robert Ho, digantung tugas.

Pemberita, R Manirajan, dan jurugambar, Anita Md Nasir, yang menulis laporan itu, juga digantung. Berikutan itu, pada 27 Disember lalu, akhbar The Sun menyiarkan permohonan maaf di muka depannya.

Ditanya mengenai siasatan yang dijalankan ke atas kakitangan akhbar The Sun yang terbabit, Abdullah berkata, pihak polis hanya ingin mengetahui di mana mereka mendapat maklumat serta mengapa disiarkan pada muka depan.

Katanya, tempoh siasatan itu tidak akan mengambil masa lama jika mereka memberi kerjasama.

Bagaimanapun, ketika ditanya kemungkinan kerajaan menggantung permit penerbitan akhbar The Sun, Abdullah berkata, beliau tidak fikir demikian.

Sementara itu, Presiden Persatuan Wartawan Melayu (PWM), Yazid Othman ketika mengulas perkara itu berkata, mereka yang menguruskan Jabatan Editorial akhbar The Sun sepatutnya mempunyai latar belakang kewartawanan.

Selain itu, katanya, wakil Jabatan Editorial juga sepatutnya berada di dalam kumpulan penyiasat yang menjalankan siasatan berhubung isu berkenaan kerana mereka saja yang mengetahui masalah penyiaran berita.

Terdahulu pada majlis itu, Abdullah turut menyampaikan sumbangan duit raya dan beg sekolah kepada kira-kira 200 anak yatim, serta sumbangan wang kepada bekas wartawan foto akhbar tabloid, Rosden Ali, yang lumpuh anggota.

(END)